



29 November 2018  
29 November 2018  
P.U. (A) 310

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)  
(NO. 4) 2018

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018.

**Pemakaian**

2. Perintah ini terpakai bagi institusi anggota yang dinyatakan dalam subseksyen 36(2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*].

**Pengecualian**

3. (1) Menteri mengecualikan suatu institusi anggota dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun kumpulan wang pemegang syer yang diperoleh daripada perniagaan yang disebut dalam subperenggan (2) yang bersamaan dengan levi pertama atau levi tahunan yang dibayar daripada kumpulan wang pemegang syer itu kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi tahun taksiran itu.

(2) Perniagaan yang disebut dalam subperenggan (1) ialah perniagaan yang berhubung dengan—

(a) kumpulan wang hayat;

(b) kumpulan wang keluarga;

(c) kumpulan wang am;

- (d)* mana-mana perniagaan insurans komposit yang terdiri daripada kumpulan wang hayat dan kumpulan wang am; atau
- (e)* mana-mana perniagaan takaful komposit yang terdiri daripada kumpulan wang keluarga dan kumpulan wang am.

(3) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana institusi anggota itu berhak di bawah subperenggan (1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada pendapatan berkanun yang berkenaan dengannya pengecualian tidak boleh diberikan bagi tahun taksiran itu, hendaklah diberikan pengecualian bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang mana institusi anggota itu mempunyai pendapatan berkanun kumpulan wang pemegang syer yang diperoleh daripada perniagaan yang disebut dalam subperenggan (2), dan bagi tahun atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehinggalah pengecualian diberikan berkenaan dengan keseluruhan pendapatan berkanun sebagaimana yang institusi anggota itu berhak di bawah subperenggan (1).

(4) Bagi maksud perenggan ini—

- (a)* “levi pertama” ertinya apa-apa levi yang kena dibayar oleh suatu institusi anggota kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia menurut seksyen 71 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011; dan
- (b)* “levi tahunan” ertinya apa-apa levi yang kena dibayar oleh suatu institusi anggota kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia menurut seksyen 72 dan 73 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011.

Dibuat 23 November 2018

[Perb.(8.09) 248/40/7-1411 VOL2(51); LHDN.01/35/(S)/42/51/286-39; PN(PU2)80/XCI]

LIM GUAN ENG  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 4) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2018.

**Application**

2. This Order shall apply to a member institution specified in subsection 36(2) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*].

**Exemption**

3. (1) The Minister exempts a member institution in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of the statutory income of a shareholders' fund that is derived from a business referred to in subparagraph (2) which is equivalent to the first levy or annual levy paid from the shareholders' fund to the Malaysia Deposit Insurance Corporation for that year of assessment.

(2) The business referred to in subparagraph (1) is a business in relation to—

(a) a life fund;

(b) a family fund;

(c) a general fund;

- (d) any composite insurance business which consists of a life fund and a general fund; or
- (e) any composite takaful business which consists of a family fund and a general fund.

(3) Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the member institution is entitled under subparagraph (1) for that year of assessment, then so much of the statutory income in respect of which exemption cannot be granted for that year of assessment, shall be granted exemption for the first subsequent year of assessment for the basis period for which the member institution has statutory income of the shareholders' fund that is derived from a business referred to in subparagraph (2), and for the subsequent year or years of assessment until the exemption is granted in respect of the whole statutory income as the member institution is entitled under subparagraph (1).

(4) For the purpose of this paragraph—

- (a) “first levy” means any levy payable by the member institution to the Malaysia Deposit Insurance Corporation pursuant to section 71 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011; and
- (b) “annual levy” means any levy payable by the member institution to the Malaysia Deposit Insurance Corporation pursuant to sections 72 and 73 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011.

Made 23 November 2018

[Perb.(8.09) 248/40/7-1411 VOL2(51); LHDN.01/35/(S)/42/51/286-39; PN(PU2)80/XCI]

LIM GUAN ENG  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]*